ASAS REKA BENTUK PERINDUSTRIAN

DEFINISI

Reka bentuk perindustrian ialah ciri bentuk, tatarajah, corak atau hiasan yang digunakan pada sesuatu barang melalui apa-apa proses atau cara perindustrian, iaitu ciri yang ada pada barang siap, merupakan ciri yang menarik dan dinilaikan dengan pandangan mata.

REKA BENTUK PERINDUSTRIAN YANG BOLEH DIDAFTARKAN

1. Memenuhi tafsiran reka bentuk perindustrian
2. Baru di Malaysia atau di tempat lain
3. Tidak bertentangan dengan ketenteraman awam atau prinsip moral

REKA BENTUK PERINDUSTRIAN YANG TIDAK BOLEH DIDAFTARKAN

1. Kaedah atau prinsip pembinaan.
2. Ciri yang bergantung kepada rupa suatu barangan lain
3. Perbezaan daripada segi butir-butir tidak material (tidak penting) atau ciri-ciri biasa yang digunakan dalam suatu perdagangan
4. Ciri yang ditentukan semata-mata oleh fungsi

KEPENTINGAN PENDAFTARAN REKA BENTUK PERINDUSTRIAN

Pemilik reka bentuk perindustrian berdaftar mempunyai hak eksklusif untuk membuat, mengimport, menjual, menyewa atau menggunakan bagi tujuan perdagangan atau perniagaan.

TEMPOH PERLINDUNGAN

1. Suatu reka bentuk perindustrian berdaftar adalah diberi perlindungan selama 5 tahun dari tarikh pemfailan.
2. Perlindungan boleh dilanjutkan selama 4 tempoh di mana setiap tempoh perlindungan selama 5 tahun. Ini bermakna tempoh maksimum perlindungan ialah selama 25 tahun.

PEMOHON YANG LAYAK

1. Pencipta asal reka bentuk perindustrian.
2. Permohonan boleh dibuat samada orang perseorangan ataupun oleh sebuah syarikat.
3. Sekiranya pemohon bukan pencipta, pernyataaan yang mewajarkan hak pemohon keatas pendaftaran (statement justifying applicant's right) perlu dikemukakan semasa pemfailan permohonan.